

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MEI 2025

AKHBAR : Kosmo

MUKA SURAT : 13

[JS-SEZ] 21/05/2025 : Kosmo (ms 13) JS-SEZ bukan punca harga meningkat

NEGARA! 13

JS-SEZ bukan punca harga meningkat

- Kos sara hidup naik senario global
- Johor tetap komited bantu rakyat

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

ISKANDAR PUTERI — Pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) bukan penyebab berlaku peningkatan kos sara hidup di Johor, sebaliknya ia merupakan senario global dan nasional.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, peningkatan harga barang dan kos sara hidup akan tetap berlaku dan dirasai rakyat sama ada JS-SEZ wujud atau tidak.

Namun katanya, kerajaan negeri komited memastikan kesan negatif kenaikan kos sara hidup itu dapat dikurangkan melalui pelbagai inisiatif dilaksanakan demi rakyat.

"Kita sedianya maklum, inflasi dan peningkatan kos sara hidup akan tetap berlaku sama ada JS-SEZ dilaksanakan atau tidak."

"Disebabkan itu kita usaha lakukan Program Bakul Rakyat, Jualan Kasih, Rumah Mampu Milik Johor serta mengawal barang subsidi seperti minyak masak paket demi manfaat rakyat," katanya.

Onn Hafiz menjawab soalan Muszaide Makmor (**BN-Sedili**) berhubung sama ada akan berlaku peningkatan kos sara hidup rakyat akibat JS-SEZ ketika sesi soal jawab di Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor semalam.

Menurut Onn Hafiz, pelbagai inisiatif dan bantuan dilaksanakan kerajaan demi mencegah



ONN HAFIZ memberi penerangan di Sidang DUN Johor semalam.

SIDANG
DUN
JOHOR



rakyat turut diperoleh melalui hasil pelaburan diterima kerajaan negeri daripada pelbagai syarikat antarabangsa yang membuat pelaburan di JS-SEZ.

Sementara itu, Onn Hafiz turut memberitahu majoriti syarikat antarabangsa yang melabur bersetuju memberikan gaji berkualiti dengan pengambilan tenaga kerja tempatan.

"Majoriti bersetuju kelulusan ciptaan ditawarkan gaji RM3,500,

manakala kelulusan ijazah sarjana RM4,000.

"Namun ada syaratnya iaitu produktiviti perlu selari dengan gaji diberikan serta ilmu, kemahiran perlu terus ditingkat dengan keperluan industri," jelasnya.

Onn Hafiz memberitahu, pihaknya yakin Johor mampu merekod nilai Pelaburan Langsun Asing (FDI) lebih RM60 billion tahun ini.

"Pada suku tahun pertama, kita telah rekod FDI RM274 billion, April (RM23 billion) dan yakin capai RM60 billion akhir tahun ini."

"Pada suku tahun pertama, kita telah rekod FDI RM274 billion, April (RM23 billion) dan yakin capai RM60 billion akhir tahun ini."